

**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 50/6/17**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai  
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PENYELAMAT – (E.1-2-3 EB.4)  
JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kermasian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**1. PENYELAMAT**

**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai kelulusan dan pengiktirafan yang bersesuaian yang lebih tinggi seperti *Bronze Medallion RLSS, UK* atau sebanding adalah kelebihan



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYELAMAT:**

1. Membantu Ketua dalam hal-hal berikut:
  - a. Menjaga dan memastikan keselamatan pengguna-pengguna kolam renang.
  - b. Berkebolehan memberi pertolongan kecemasan yang diakui betul dan selamat.
  - c. Memberi khidmat nasihat dan teguran yang positif kepada pengguna-pengguna kolam renang dalam hal ehwal keselamatan, penggunaan tatatertib dan peraturan.
  - d. Sentiasa berada di tempat kerja dan mengawasi pengguna-pengguna kolam renang.
  - e. Membuat rekod sebarang kejadian dan menyediakan laporan lengkap kepada Ketua.
  - f. Sentiasa memastikan peralatan menyelamat sedia dan teratur.
  - g. Memastikan kakitangan kolam renang telah bersedia dan kolam renang selamat untuk digunakan.
2. Terlibat sebagai Jawatankuasa dalam aktiviti-aktiviti Jabatan.
3. Menerima arahan tugas dari Pegawai atasan.
4. Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan hari-hari kelepasan awam termasuk hari Jumaat dan Ahad.